

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : ONLINE

TARIKH : 27 NOVEMBER 2023

HARI : ISNIN

SENTIMEN : POSITIF

PEMILIHAN BAHARU  
**Utusan  
Malaysia**

**Utusan  
NIAGA**  
Dibawakan oleh Utusan Malaysia

Mahu produk anda sampai kepada 5 juta pelayar kami?

✓ Murah!! Tak sampai RMI sehari.

✓ Juga berpeluang jana pendapatan lumayan.

Iklangkan bisnes anda di *Utusan Niaga*

**KLIK DI SINI**

TERKINI

NASIONAL

EKONOMI

RINGGIT

LUAR NEGARA

GAYA

SUKAN

RENCANA

PANCAINDERA

SERI

PREMIUM

## Paramedik Komuniti Melaka di 339 kampung



AB. Rauf Yusoh ketika membentangkan Belanjawan 2024 Negeri Melaka pada Sidang DUN di Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka.

MELAKA: Kerajaan negeri akan memperkenalkan perkhidmatan **Paramedik Komuniti** Melaka di setiap 339 buah kampung pada tahun depan bagi memberi bantuan kecemasan awal dan sokongan moral kepada rakyat yang ditimpa musibah.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab. Rauf Yusoh berkata, inisiatif di bawah program kesihatan itu melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM500,000.

Kata beliau, Melaka merupakan negeri pertama yang melaksanakannya dan perkhidmatan itu diletakkan di bawah naungan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar (JPKKB).

“Paramedik Komuniti Melaka terdiri daripada tiga orang sukarelawan yang dipilih oleh JPKK serta JPCCB dan elaun sukarelawan akan dibiayai oleh kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (Japerun).

“Sukarelawan akan diberikan latihan oleh agensi yang diiktiraf seperti Jabatan Kesihatan Negeri Melaka (JKNM) dan Angkatan Pertahanan Awam (APM) serta dibekalkan dengan peralatan perubatan yang bersesuaian.

“Selain di kawasan kampung, sukarelawan ini turut ditempatkan di kawasan tumpuan pelancong bagi memberi bantuan awal kepada yang memerlukan,” katanya dalam pembentangan Belanjawan 2024 Negeri Melaka pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka di Seri Negeri, Ayer Keroh di sini, hari ini.

Tambah Ab. Rauf, kerajaan negeri akan meneruskan Bantuan Melaka Sara Rakyat (Mesra) kepada yang layak.

Menurutnya, Bantuan Mesra Am Kebajikan akan dimanfaatkan 5,423 golongan B40 dengan implikasi kewangan berjumlah RM16.1 juta.

“Jumlah ini adalah sebagai tambahan kepada 21,319 orang penerima bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Bantuan Mesra Ketua Isi Rumah Miskin melibatkan seramai 1,098 orang dan penerima bantuan dibayar upah atas kerja-kerja pembersihan yang dilakukan di masjid, surau dan tanah perkuburan.

“Bantuan Mesra Bayi Melaka iaitu bantuan RM50 ringgit bagi pembukaan akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) Prime untuk setiap bayi yang lahir pada tahun 2024. Bayi yang lahir di negeri ini pada hari pembentangan Bajet 2024 akan menerima bantuan RM150 ringgit seorang,” ujarnya. **-UTUSAN**

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/paramedik-komuniti-melaka-di-339-kampung/>